

SEBELUM TRANSFORM



SELEPAS TRANSFORM



自立合作社
KOJADI
KOPERASI JAYADIRI MALAYSIA BERHAD

AKTIVITI EKONOMI UTAMA NASIONAL
NATIONAL KEY ECONOMIC AREAS
(NKEA)

Pemborongan dan Peruncitan

**PROJEK PEMODENAN
BENGKEL AUTOMOTIF
(ATOM) – MOTOSIKAL**

atOm
AUTOMOTIVE WORKSHOP MODERNISATION

自立合作社
KOJADI
KOPERASI JAYADIRI MALAYSIA BERHAD

Koperasi Jayadiri Malaysia Berhad (KOJADI)

11th Floor, Wisma MCA
163, Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur
Tel: +6 03 2161 6499
Fax: +6 03 2161 2840

Email: contact@kojadi.com.my

Website: <http://kojadi.my>



KOPERASI JAYADIRI MALAYSIA BERHAD (KOJADI)

Tel: +6 03 2161 6499

Website: <http://kojadi.my>



PEMODENAN BENGKEL AUTOMOTIF (ATOM) -MOTOSIKAL

Program Transformasi Ekonomi atau *Economic Transformation Programme* (ETP) adalah satu usaha komprehensif Kerajaan untuk mentransformasikan Malaysia ke arah sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang 2020. Sasarannya adalah untuk meningkatkan pendapatan negara kasar (PNK) per kapita Malaysia dari lebih kurang RM23,700 pada 2009 kepada lebih kurang RM48,000 pada 2020 dengan mewujudkan 3.3 juta peluang pekerjaan. Program ini akan menfokuskan kepada 12 Bidang Ekonomi Utama Nasional atau National Key Economic Areas (NKEA).

Salah satu daripada 12 NKEA yang akan dilaksanakan ialah Pemborongan dan Peruncitan. Di bawah NKEA Pemborongan dan Peruncitan, sebanyak 13 *Entry Points Projects* (EPPs) telah dikenalpasti yang akan menyumbang sebanyak RM83.4 billion Gross National Income (GNI) dan mewujudkan lebih 370,000 peluang pekerjaan baru sepanjang 10 tahun akan datang.

Projek Pemodenan Bengkel Automotif atau **ATOM** merupakan inisiatif yang telah dicadangkan sendiri oleh pihak industri dalam makmal NKEA bertujuan untuk memoden dan mentransformasikan sektor industri perkhidmatan penyelenggaraan dan pembaikan automotif yang bertaburan dan tidak tersusun.

Dengan menaik taraf standard sektor ini, pelanggan boleh mendapatkan perkhidmatan yang lebih baik dan para mekanik / juruteknik boleh memperoleh pendapatan yang lebih tinggi.

Pelaksanaan projek ATOM diharap dapat mencapai aspirasi:

- Memperolehi kepercayaan dan pengiktirafan masyarakat untuk sektor industri perkhidmatan penyelenggaraan dan pembaikan automotif;
- Memajukan tahap pendapatan tenaga kerja daripada berpendapatan rendah ke pertengahan dan seterusnya profesional yang berpendapatan tinggi;

- Ketelusan yang tinggi terhadap harga, kemahiran dan profesionalisma dalam industri ini; dan
- Membangunkan bengkel automotif menjadi pakar dalam perkhidmatan selepas jualan selain menyediakan pengusaha bengkel untuk pelaksanaan GST.

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN:

- Perniagaan 100% milik tempatan (milik tunggal / perkongsian / Sdn Bhd) dan menjalankan perniagaan sepenuh masa.
- Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
- Mempunyai lesen Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang sah untuk mengusahakan bengkel.
- Pemilik bengkel berumur 18 tahun ke atas dan tidak melebihi umur 60 tahun semasa pembayaran bulan terakhir pinjaman.
- Beroperasi di premis tetap (lot kedai) dan berasingan daripada rumah kediaman.
- Bengkel telah beroperasi sekurang-kurangnya satu tahun.
- Keluasan bengkel tidak melebihi dua pintu kedai atau 2,500 kaki persegi.
- Rekod yang baik dengan institusi kewangan.

PEMBIAYAAN PINJAMAN PROJEK ATOM:

- Pembiaya: Koperasi Jayadiri Malaysia Berhad (KOJADI)

Skop Pembiayaan:

- Pengubahsuaian / menaik taraf premis perniagaan;
- Pembelian mesin atau peralatan; dan
- Modal kerja (tidak melebihi RM20,000 atau 20% daripada jumlah pinjaman).

Jumlah Pinjaman: RM30,000 hingga RM100,000

Tempoh Pinjaman: Sehingga 15 tahun

Faedah Pinjaman: 3% setahun atas baki bulanan

BAGAIMANA UNTUK MENYERTAI PROJEK ATOM:

Hubungi

- **Koperasi Jayadiri Malaysia Berhad (KOJADI)**

11th Floor, Wisma MCA,

163, Jalan Ampang

50450 Kuala Lumpur

Tel: +6 03 2161 6499

Faks: +6 03 2161 2840

Laman Web: <http://kojadi.my>

atau

- **Konsultan:**



**Malaysia Motorcycle and Scooter Dealers
Association (MMSDA)**

No.105, Jalan 3/93,

Taman Miharja, Cheras

55200 Kuala Lumpur.

Tel: +6 03 9285 6666, +6 03 9283 3339

Faks: +6 03 9285 8999

Laman Web: www.mmsda.org.my